

# Pesta Silat: 9 perguruan taruh utk jadi juara <sup>3</sup>

- 8 AUG 1985

PENCAK SILAT

SEBANYAK sembilan perguruan silat kini sedang beradu kekuatan untuk menjuarai Pesta Silat Kebangsaan tahun ini yang akan diadakan sempena Pesta Sukan.

Perguruan-perguruan tersebut ialah Al-Haq, Gayung Perwanit, Gayung Pasak, Setia Hati, Setia Bakti, Gastapis Panca Sakti, Pencak Sunda, Sendeng Belalang dan Macan Pasrah.

Peringkat-peringkat saringan telah pun dijalankan pada 27 hingga 28 Julai dan 3 hingga 4 Ogos lepas.

Peringkat akhir pula akan diadakan di Dewan Badminton Singapura pada 17 dan 18 Ogos ini.

Menurut Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Johari Uriff, bilangan peserta yang mengambil bahagian dalam tahun ini adalah lebih kurang sama dengan tahun lalu, iaitu seramai 107 orang, termasuk 11 wanita.

Tahun lalu, seramai 113 peserta telah mengambil bahagian.

Untuk bahagian lelaki dewasa, sebanyak enam bahagian dipertandingkan; untuk lelaki remaja — tiga bahagian; wanita dewasa — tiga bahagian, dan wanita remaja, dua bahagian.

Ditanya tentang sambutan kali ini, Encik Johari berkata bahawa Persisi berpuas hati dengan sambutan yang diberikan.

## Bayaran

"Dari segi persembahan yang ditunjukkan oleh para peserta, kami rasa prestasi mereka adalah lebih baik dari tahun lalu, terutama sekali dari segi ketahanan dan stamina.

"Apa yang menarik ialah para peserta dapat menunjukkan gerak-gerak dan seni pencak silat yang selama ini kurang atau tidak kelihatan langsung," katanya.

Sementara itu, tidak seperti tahun lalu, para penonton yang hendak menyaksikan pertandingan akhir tahun ini tidak akan dikenakan sebarang bayaran.

Tahun lalu, tiket-tiket untuk menyaksikan pertandingan akhir ialah \$2.00

Keputusan untuk tidak mengenakan sebarang bayaran ialah untuk membolehkan seberapa ramai penonton menyaksikan warisan kita itu di samping menyokong dan mempopularkannya, kata Encik Johari.